

23 FEB 2001

Pas-Ikhlas

PAS PERLU BUKTIKAN KEIKHLASAN UNTUK BERBINCANG

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Datuk Haji Mohd Nakhaie Ahmad berkata Pas hendaklah turut membuktikan keikhlasannya bagi mewujudkan suasana yang kondusif untuk pertemuan perpaduan Melayu dengan Umno.

Beliau berkata Pas tidak ikhlas jika ia hanya menuntut Umno mewujudkan suasana kondusif, sedangkan ia sendiri tidak berbuat apa-apa.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan sebagai mengulas tindakan Pas menangguhkan perbincangan perpaduan Melayu yang dijadualkan pada 19 Feb lalu dengan alasan suasana tidak kondusif dan meletakkan syarat tertentu terhadap Umno bagi mewujudkan suasana itu.

Antara lain Pas mahu supaya kerajaan pusat mengembalikan kepada kerajaan Pas Terengganu "royalti" minyak, yang kini disalurkan di bawah program wang ihsan menerusi agensi-agensi kerajaan pusat kepada rakyat Terengganu. Pas juga mahu supaya penerbitan parti itu, Harakah, dibenarkan diterbitkan dua kali seminggu semula dan menuntut Umno mengetepikan cadangannya supaya kerajaan melarang penggunaan perkataan Islam pada nama mana-mana parti politik.

Nakhaie yang merupakan bekas pemimpin Pas berkata mewujudkan suasana yang kondusif bagi pertemuan yang dicadangkan itu adalah menjadi tanggungjawab bersama.

"Kedua-dua pihak hendaklah terlebih dahulu melaksanakan sendiri apa yang mereka inginkan sebagai syarat, sebelum mengemukakan pelbagai tuntutan kepada pihak lain," katanya.

Menurut beliau, hanya dengan cara demikian sahajalah keikhlasan kedua-dua belah pihak dapat dibuktikan.

Oleh itu, Pas yang inginkan suasana kondusif sebagai syarat, hendaklah terlebih dahulu membuktikan keikhlasan dengan memulakan langkah bagi mewujudkan suasana kondusif itu, kata beliau.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno berkata Majlis Tertinggi parti itu mahu perbincangan Perpaduan Melayu itu menjadi kenyataan dan bersedia berbincang apa sahaja dengan Pas asalkan parti pembangkang itu tidak meletakkan syarat terlebih dahulu.

Bagaimanapun Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata pihaknya masih berpegang kepada keputusan awalnya untuk membincangkan perpaduan orang Melayu jika tiga tuntutannya dipenuhi terlebih dahulu.

"Sungguh malang, usaha mengadakan pertemuan antara Umno dan Pas diperpayahkan. Pelbagai alasan dan helah diada-adakan, tanpa menghiraukan betapa pentingnya umat Islam berdamai," kata Nakhaie.

-- BERNAMA

FA ZS NMO